

TARIKH: 14/4/2023
SURAT KHBAR: SINAR HARIAN
MUKA SURAT: 12

14/4/23
SINAR HARIAN
12

Pegawai kanan Menteri Sumber Manusia ditahan SPRM

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan seorang pegawai kanan menteri ditahan dalam satu serbuan di Kementerian itu pada pagi ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya telah menahan pegawai kanan kepada Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar dipercayai berhubung isu pengambilan pekerja asing.

Beliau berkata, seorang lagi individu lain turut ditahan bagi membantu siasatan berhubung dakwaan rasuah melibatkan agensi pengambilan pekerja asing.


"Penahanan yang dibuat itu adalah berkaitan dengan dakwaan bahawa mereka yang terlibat telah menubuhkan agensi pengambilan pekerja asing untuk mendapatkan ke-

lulusan daripada kementerian walaupun terdapat konflik kepentingan," katanya pada Khamis.

Azam berkata, ekoran dakwaan itu, sekumpulan pegawai SPRM telah bertindak menyerbui Kementerian Sumber Manusia pagi tadi.

Jelas beliau, siasatan SPRM akan turut tertumpu kepada individu lain dalam kementerian tersebut dan agensi berkaitannya.

Sementara itu, V Sivakumar dalam satu kenyataan berkata, dia maklum berkenaan penahanan pegawai daripada



V SIVAKUMAR

pejabatnya.

Namun begitu katanya, memandangkan perkara itu masih dalam siasatan pihak SPRM, dia tidak dapat memberi sebarang komen berhubung isu tersebut.

"Saya dan Kementerian Sumber Manusia akan memberi kerjasama penuh

kepada agensi siasatan sekiranya diperlukan.

"Justeru itu, saya berharap pihak media tidak membuat sebarang andaian atau spekulasi yang boleh menjejaskan siasatan agensi berkenaan selesai," katanya pada Khamis.